

## Pesan Ibu

*oleh Muriatul Khusmah Musa*

Ibuku pernah berpesan  
Jangan jadi seperti lalat, bebas hinggap tanpa adat  
Jadilah seperti lebah, sentiasa memilih bunga nan indah

Pesan ibu,  
Kasih saudara bukan kerana sama berada, kasih kerana Yang Maha Esa  
Yang miskin jangan dipinggir, setia bersama sepanjang hayat



Ibu berpesan lagi,  
Jaga solat, jaga ibadat  
Kelak hidup dipenuhi rahmat

Terima kasih ibu,  
Pesanan mu sentiasa ku ingat, kejam terpahat  
Menjadi warisan pada zuriat

Terima kasih ibu,  
Cinta kasih ku pada mu  
Sentiasa kekal sepanjang hayat